



PEKELILING AKADEMIK BIL. 17/2020

Semua Pelajar Program Prasiswazah dan Pascasiswazah

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER III SESI AKADEMIK 2019-2020

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas, dimaklumkan bahawa Semester III Sesi Akademik 2019-2020 akan diadakan mulai **20 Julai 2020 sehingga 23 Ogos 2020**.

2. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya saudara/i dapat memberikan perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah:

- i. Pendaftaran kursus akan dijalankan mulai **1 Jun sehingga 7 Jun 2020 (seminggu)** secara atas talian melalui laman web <http://www.ukm.my/smpweb>. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan NPP masing-masing untuk mengelakkan timbul permasalahan di kemudian hari.
- ii. Fakulti-fakulti/Pusat yang menawarkan kursus adalah seperti berikut:
 1. Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (termasuk pascasiswazah)
 2. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 3. Fakulti Pendidikan
 4. Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (termasuk pascasiswazah)
 5. Fakulti Sains dan Teknologi
 6. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (termasuk pascasiswazah)
 7. Fakulti Sains Kesihatan
 8. Fakulti Farmasi
 9. Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
 10. Pusat Citra Universiti



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

iii. Maklumat untuk mendaftar kursus adalah seperti berikut:

Tarikh	Tahun	Aktiviti	Tempat
1 – 7 Jun 2020	Terbuka	Pendaftaran Kursus dan Gugur/Tambah Kursus	Semua komputer yang mempunyai capaian internet
20 Julai – 16 Ogos 2020	Terbuka	Tari Diri Kursus	
27 Julai – 2 Ogos 2020	Terbuka	Pengesahan Pendaftaran Kusus	
10 – 16 Ogos 2020	Terbuka	Pengesahan Masuk Peperiksaan	

iv. Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Sester I Sesi Akademik 2019-2020 dinasihatkan tidak mendaftar kursus pada Semester III ini.

v. Syarat-syarat pendaftaran Semester III adalah seperti berikut:

1. Pendaftaran untuk Semester III Sesi Akademik 2019-2020 adalah pilihan kecuali untuk beberapa fakulti.
2. Pelajar dibenarkan mengambil tidak melebihi tiga (3) kursus sahaja.
3. Pelajar hanya boleh membuat penambahan dan pengguguran kursus semasa minggu pendaftaran kusus sahaja.
4. Permohonan untuk tidak mengikuti Semester III bagi pelajar yang telah mendaftar kursus pada minggu pendaftaran hendaklah dibuat secara rasmi kepada Timbalan Pendaftar (Akademik) setelah disokong oleh Dekan Fakulti sebelum 2 Ogos 2020 untuk mendapat pelepasan yuran. Permohonan selepas tarikh tersebut akan dikira menarik diri daripada kursus dan diberi gred TD.
5. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester III akan diambil kira dalam Purata Nilai Kumulatif Gred (PNGK) pada semester berikutnya (Semester I Sesi Akademik 2020-2021)
6. Tempoh pengajian Semester III Sesi Akademik 2019-2020 tidak diambil kira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan pengijazahan.
7. Bayaran denda RM50.00 akan dikenakan jika lewat mendaftar kursus.
8. Semasa pendaftaran, pelajar hanya perlu memilih butang pendaftaran kursus semasa. Pelajar perlu memastikan pendaftaran kursus dibuat untuk Semester III Sesi Akademik 2019-2020.

3. Jika menghadapi sebarang masalah mengenai perkara di atas, sila emelkan kepada smpweb@ukm.edu.my / akad@ukm.edu.my atau hadir ke Kaunter Pusat Pengurusan Akademik/ Fakulti untuk tindakan selanjutnya.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik



Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ROHANA TAN

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.:
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 - Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 - Dekan, Fakulti Pendidikan
 - Dekan, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
 - Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
 - Dekan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 - Dekan, Fakulti Sains Kesihatan
 - Dekan, Fakulti Farmasi
 - Pengarah, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS (UKM-CESMED)
 - Pengarah, Pusat Citra Universiti
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah, Pusat Kembangan Pendidikan
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar, Jabatan Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8451/8450/8460/8027 Faks: +603-8911 8471 Emel: akad@ukm.edu.my
Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my